



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2017
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Markah penuh: 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1: Rumusan**Pendahuluan (2 markah)**

- P1 **Petikan** membincangkan **kriteria-kriteria/ sifat-sifat** remaja **di Malaysia/ di negara ini**. [2m]
- P2 **Petikan** membincangkan **kriteria-kriteria/ sifat-sifat** remaja dan peranan pelbagai pihak amat diperlukan sewaktu para remaja melalui fasa transisi dalam kehidupan mereka. [2m]
- P3 Rumusan membincangkan **kriteria-kriteria/ sifat-sifat** remaja dan cara-cara mengatasinya. [2m]
- P4 Petikan/Rumusan membincangkan **kriteria-kriteria/ sifat-sifat** remaja. [1m]
- P5 Petikan/Rumusan membincangkan **ciri-ciri** remaja dan **cara-cara** mengatasinya. [0m]

Isi Tersurat (Ciri-ciri remaja) (4 hingga 12 markah)

- S1 Remaja akan mudah terkesan dengan perkara yang berlaku di sekeliling mereka. [2m]
- S2 Sifat memberontak wujud dalam diri remaja sekiranya keinginan mereka tidak dipenuhi. [2m]
- S3 Remaja mudah terdorong dengan perkara yang berkaitan dengan seksual. [2m]
- S4 Emosi remaja mudah menjadi tidak stabil. [2m]
- S5 Mereka mula berkonflik dengan **diri sendiri, keluarga atau rakan sebaya**. [2m]
(mesti ada ketiga-tiga pihak)
- S6 Mereka memiliki sifat ingin tahu yang menebal. [2m]
- S7 Mereka mahu mencuba pelbagai perkara. [2m]
- S8 Fikiran remaja menjadi keliru dan bercelaru disebabkan oleh pelbagai faktor. [2m]
- S9 Remaja juga tidak suka dikongkong oleh orang yang lebih tua daripadanya. [2m]

Markah isi hanya 0 markah atau 2 markah sahaja.

Isi Tersirat (Cara- cara mereka mengatasinya)

- T1 Remaja seharusnya mencari/mendekati kawan yang baik. [2m]
- T2 Remaja boleh mendapatkan bimbingan daripada guru/kaunselor/orang yang lebih tua/ ustaz. [2m]
- T3 Remaja banyak membaca buku/bahan ilmiah/blog. [2m]
- T4 Remaja perlu menghadiri ceramah motivasi/agama. [2m]
- T5 Remaja sentiasa berfikiran positif/ingin memajukan diri. [2m]

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan

- K1 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu menangani ciri-ciri remaja agar mereka menjadi insan cemerlang. [2m]
- K2 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu mendepani ciri-ciri remaja agar negara sejahtera. [2m]
- K3 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu memahami/mengenalinya ciri-ciri remaja agar mereka menjadi insan cemerlang/negara sejahtera. [2m]
- K4 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu menangani ciri-ciri remaja. [1m]

(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 8	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 5	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) **Maksud** rangkai kata *impak yang lebih buruk*

P1	Kesan/ implikasi/akibat/natijah yang lebih teruk/negatif	2
P2	Impak yang lebih teruk/negatif	1
P3	Kesan/ implikasi/akibat/natijah yang lebih buruk	0

(ii) **Peranan-peranan:**

- P1 Ahli keluarga seharusnya berperanan mendekati para remaja dengan penuh hikmah sewaktu mereka melalui fasa transisi ini.
- P2 Ibu bapa perlu menjadi sahabat terhadap anak remaja mereka.
- P3 Sokongan dan dorongan daripada orang yang lebih dewasa seharusnya hadir pada saat saat mereka memerlukannya.

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) **Peranan kerajaan:**

- P1 Menyediakan biasiswa berprestij seperti Biasiswa Nasional, Biasiswa Agong dan Biasiswa Bank Negara (Kijang Emas)
- P2 Menyediakan biasiswa/pinjaman pendidikan seperti oleh pihak MARA dan JPA
- P3 Menyediakan/ menambah IPTA, MRSM, SBP, Sekolah Seni dan Sekolah Sukan
- P4 Mewujudkan program Permata Pintar untuk pelajar-pelajar pintar
- P5 Mewujudkan program jati diri seperti PLKN
- P6 Mewujudkan program IM4U
- P7 Membanyakkan kemudahan kompleks sukan
- P8 Menyedia/menambah Akademi Seni Kebangsaan (ASWARA)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi tanpa huraian]

[Atau: 2 isi (1 isi + 1huraian)]

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden**(i) Azmir perlu dibantu kerana:**

- P1 Dia amat memerlukan perhatian
- P2 Dia amat memerlukan kasih sayang
- P3 Dia memerlukan semangat
- P4 Dia memerlukan perangsang

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Tindakan yang boleh saya lakukan:**

- P1 Mendengar masalah yang dihadapi oleh mereka
- P2 Sering menziarahi mereka
- P3 Membawa mereka bersiar-siar
- P4 Memberikan mereka hadiah/ cenderamata
- P5 Membawa mereka berjumpa dengan kaunselor/ pakar/ ustaz
- P6 Mengajak mereka melakukan amalan agama

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Latar masyarakat dalam petikan**

- P1 Masyarakat yang prihatin. [1+1]
Huraian: Pelakon I mengajak semua pihak supaya membantu Azmir yang mengalami tekanan perasaan.
- P2 Masyarakat yang tidak rasional. [1+1]
Huraian: Ibu Azmir berasa malu kerana mempunyai anak yang gila dan tidak boleh menerima keadaan Azmir.
- P3 Masyarakat yang berfikiran positif. [1+1]
Huraian: Arif menafikan bahawa Azmir bukan gila tetapi sedang menderita suatu penderitaan yang tidak tertanggung.

Latar masyarakat dalam keseluruhan drama

- P1 Masyarakat yang berani. [1+1]
Huraian: Azmir berani membidas sikap tidak prihatin pemimpin agama seperti Pak Haji.
- P2 Masyarakat yang mementingkan diri. [1+1]
Huraian: Ani meninggalkan Azmir kerana dia menganggap bahawa Azmir seorang yang gila.
- P3 Masyarakat yang kurang bertanggungjawab. [1+1]
Huraian: Bapa Azmir yang tidak boleh menerima kenyataan bahawa Azmir gila.
- P4 Masyarakat yang mengambil berat akan masalah orang lain. [1+1]
Huraian: Doktor yang sentiasa mengawasi tahap kesihatan Azmir.

(Latar masyarakat lain yang berkaitan boleh diterima)

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional**(i) Peristiwa yang terjadi**

- P1 anak Melayu pun berbelah/ terbahagi kepada dua
- P2 setengah berpihak pada Paduka Raja
- P3 setengah berpihak pada Seri Nara Diraja

[Maksimum 2 markah]**(ii) Reaksi Sultan Muzaffar Syah**

- P1 baginda terlalu dukacita melihat kelakuan Paduka Raja dan Seri Nara Diraja
- P2 baginda berfikir bahawa negeri Melaka akan binasa
- P3 baginda berpendapat hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja
- P3 baginda menyuruh memanggil Seri Nara Diraja
- P4 baginda ingin tahu jika Seri Nara Diraja mahu beristeri

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Seseorang raja itu boleh memerintah dengan adil**

- P1 Menguatkuasakan undang-undang negara dengan adil
- P2 Sentiasa mengamalkan integriti
- P3 Bersikap jujur/tidak mudah terpengaruh dengan sebarang hasutan
- P4 Tidak zalim ketika menjatuhkan hukuman
- P5 Membuat pertimbangan yang wajar semasa berhadapan dengan masalah
- P6 Bijak membuat keputusan/menyiasat terlebih dahulu sebelum menjatuhkan sebarang hukuman
- P7 Berpendirian tegas dalam menangani sesuatu isu

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]**

Soalan 2(d) : Puisi Tradisional(i) Maksud **rangkap keenam** syair:

- P1 Negeri Kembayat telah diserang oleh burung gurda/geroda yang ganas dan kuat.
 P2 Burung gurda/geroda yang melayang/terbang dari angkasa.
 P3 Serangan tersebut telah mendatangkan banyak kemusnahan/membinasakan/merosakkan negeri.

[Maksimum: 2 markah](ii) **Tanggungjawab rakyat untuk memajukan negara**

- P1 meningkatkan produktiviti dalam pekerjaan
 P2 meningkatkan hasil pengeluaran negara
 P3 menceburkan diri dalam bidang inovasi dan kreativiti
 P4 menyumbangkan buah fikiran untuk membangunkan negara
(Tanggungjawab lain yang berkaitan boleh diterima)

[Isi cukup: 2 isi]**[Maksimum: 3 markah]**(iii) **Nilai** dalam syair

- | | | |
|----|--|-------|
| P1 | Ketaatan | [1+1] |
| | Huraian: Rakyat Negeri Kembayat taat kepada sultan pemerintah. | |
| P2 | Tanggungjawab | [1+1] |
| | Huraian: Raja Negeri Kembayat bertanggungjawab mentadbir negeri. | |
| P3 | Keprihatinan | [1+1] |
| | Huraian: Seorang pemimpin perlulah prihatin dengan kesusahan yang ditanggung oleh rakyatnya. | |
| P4 | Kasih sayang | [1+1] |
| | Huraian: Raja Negeri Kembayat sangat menyayangi isterinya. | |

[Isi cukup: 2 isi]**[Maksimum : 4 markah]**

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
5. Jika kedua-dua perkataan dibina dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
8. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3(a)

(i) pekat

1. tidak cair, kental, likat
2. keras (kopi)
3. tidak jernih (air)
4. gelap atau kelam (warna)
5. tebal, teguh, kuat

(ii) pikat

1. menangkap burung dengan menggunakan burung lain yang jinak, menjebak
2. memerangkap (musuh), memancing
3. melakukan sesuatu supaya seseorang (sesuatu) tertawan atau tertarik hati

(iii) siram

1. bersiram mandi (digunakan utk raja-raja saja) menyiram
2. mencurahkan air pada sesuatu
3. menjirus dengan air (supaya bersih), menyirami

(iv) suram

1. tidak berapa terang (cahaya), agak gelap, kurang cahaya, redup (cuaca)
2. tidak berkilauan atau bercahaya (barang emas, perak), tidak bening (batu permata), buram: kalau beberapa hari tidak dicucinya, kereta itu kelihatan
3. tidak berseri-seri (muka, mata), kusam, kuyu, muram (sedih)
4. kurang seronok (kehidupan), kurang berbahagia, susah (hati), sedih

(v) indah

1. dapat menarik atau memuaskan hati; elok benar; cantik pemandangan

(vi) endah

1. ada atau mempunyai minat terhadap sesuatu.
2. tidak menunjukkan minat terhadap sesuatu; tidak peduli.
3. Mengendahkan, memberikan perhatian kepada sesuatu; mempedulikan

[6 markah]

3(b) Menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif

(i) Nenek saya ziarahi pada hujung minggu.

Pada hujung minggu nenek saya ziarahi. (X)

Nenek pada hujung minggu saya ziarahi. (X)

(ii) Majlis Anugerah Cemerlang yang bertempat di Dewan Jubli Intan telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan.

Majlis Anugerah Cemerlang telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan yang bertempat di Dewan Jubli Intan. (X)

(iii) Kereta itu harus kamu pandu dengan berhati-hati kerana hujan yang sangat lebat di lebuhraya.

*Kereta itu **kamu harus pandu** dengan berhati-hati kerana hujan yang sangat lebat di lebuhraya. (X)*

Kerana hujan yang sangat lebat di lebuhraya, kereta itu harus kamu pandu dengan berhati-hati. (X)

Kerana hujan yang sangat lebat di lebuhraya, dengan berhati-hati kereta itu harus kamu pandu. (X)

[6 markah]

3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan**Kesalahan ejaan**

pesaka - pusaka

carigali - cari gali

kerinting - keriting

Kesalahan imbuhan

menjadikan - dijadikan

pengairan - perairan

penurunan - keturunan

[6 markah]

3(d) Kesalahan istilah atau kata dan tatabahasa

i apresiasi - aspirasi

daripada - dari

ii berbunyi - berkokok

tiap - tiap-tiap/setiap

iii bertempik - bersorak

di dalam - dalam

[6 markah]

3(e) Peribahasa

(i) Bagai / seperti menatang minyak yang penuh

(ii) Menangguk di air keruh/ menahan lukah di pergentingan

(iii) Tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas

[6 markah]

Soalan 4**Markah penuh 15 markah****Peraturan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Markah isi maksimum 4 (maksimum 2 markah bagi setiap).
(iv) Markah bahasa maksimum 3.
(v) Markah bahasa diberi secara *impression*.
- | | | |
|-----------|---|----------|
| Baik | : | 3 markah |
| Sederhana | : | 2 markah |
| Lemah | : | 1 markah |
- (vi) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
(vii) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah bagi setiap latar tempat
(i) Beri 2 markah bagi setiap huraian/ccontoh yang betul untuk setiap latar tempat.
(ii) Markah isi maksimum 6 (maksimum 3 markah bagi setiap latar tempat).
(iii) Markah bahasa maksimum 2.
(iv) Markah bahasa diberi secara impression
- | | | |
|-------|---|----------|
| Baik | : | 2 markah |
| Lemah | : | 1 markah |
- (v) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
(vi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Jawapan 4(a)**Di Sebalik Dinara**

	Latar Tempat (1m)	Huraian – Peristiwa (1m)
1	Lapangan Terbang Senai di Johor	Farisha bertemu dengan Aqram buat kali yang pertama.
2	Syarikat Soft Lab	Aqram membawa Farisha melihat persekitaran Soft Lab bagi memudahkan Farisha sepanjang menjalankan tugasnya di Soft Lab.
3	Apartmen Farisha	Farisha meunggu Rosman yang belum tiba kerana telah terlewat daripada masa yang telah dijanjikan.

Pantai Kasih

	Latar Tempat (1m)	Huraian – Peristiwa (1m)
1	Pusat Rawatan Pantai Kasih	Dr. Raiha, Dr. Mohamma dan Felicia bekerja di Pusat Rawatan Pantai Kasih
2	Farmasi	Felicia sering menyeludup masuk ke farmasi untuk meminum ubat batuk bagi mengurangkan tekanan yang dihadapinya.
3	Pusat hiburan	Dr. Uwang pergi ke pusat hiburan untuk menghilangkan tekanan yang dihadapinya.
4	Rumah Dr. Uwang	Dr. Sadiz dan Felicia menghadiri majlis sempena sambutan tahun baharu di rumah Dr. Uwang.
5	Bilik Bedah	Seorang pemuda yang kurang siuman yang menyamar sebagai doktor telah menahan Felicia di bilik bedah sebelum pemuda itu berjaya dipujuk oleh ibu Unong Siron.
6	Kelab malam eksklusif	Doktor Uwang menenangkan fikirannya dengan mengunjungi kelab itu.
7	Bilik rawatan kecemasan	Doktor Uwang menjalani pembedahan akibat kecederaan parah yang dialaminya di bilik itu.
8	Tembok garaj PRPK	Kereta yang dipandu oleh Doktor Uwang telah merempuh tembok garaj hingga menyebabkan dia mengalami kecederaan parah.

Tirani

	Latar Tempat (1m)	Huraian – Peristiwa (1m)
1	Pergunungan Matang, Kuching di Sarawak	Rumah inap desa yang dinamakan Chalet Tajau Emas yang diasaskan oleh bapa Waheeda, Haji Fadhil terletak di Pergunungan Matang.
2	Silicon Medical Centre (SMC) di Singapura	Waheeda mengambil keputusan melakukan pembedahan plastik di Silicon Medical Centre.
3	Pusat Rawatan Islam (Pusrawi) di Kajang	Waheeda mendapatkan rawatan di Pusrawi akibat tekanan perasaan yang dialaminya selepas bercerai dengan Zahid.
4	Chalet Aya-Sajinah	Pusat peranginan di Cameron Highland yang dimajukan oleh Waheeda selepas ditukarkan namanya daripada Iwana Iwani. Di sini juga Waheeda bertemu semula dengan Zahid selepas 20 tahun berpisah.

Songket Berbenang Emas

	Latar Tempat (1m)	Huraian – Peristiwa (1m)
1	SMK Temenggong Ibrahim di Batu Pahat, Johor	Dahlia belajar di SMK Temenggong Ibrahim. Di sini Zahari meluahkan hasratnya untuk mengikat tali pertunangan dengan Dahlia.
2	Bilik Kerjaya, SMK Temenggong Ibrahim	Cikgu Hisyam dan Dahlia berbincang tentang masalah yang dihadapi oleh Dahlia berhubung dengan keputusan Dahlia untuk keluar dari asrama.
3	Hospital Permai	Saleha menerima rawatan di Hospital Permai kerana dianggap gila oleh penduduk kampung.
4	Hospital Batu Pahat	Embong menerima rawatan di sini kerana dipatuk ular.
5	Bilik Kerjaya	Dahlia bertemu dengan Cikgu Hisyam di bilik ini, Cikgu Hisyam mendapat tahu masalah Dahlia daripada Kavita.
6	Kebun getah	20 meter dari rumah seluas lima ekar tempat Saleha menoreh getah

7	Balai raya Kampung Parit Haji Rais	Beberapa orang penduduk bergotong – royong semasa majlis sambutan Maulidur Rasul. Selain itu, di sini juga menjadi tempat pemindahan mangsa banjir yang berlaku di Kampung Dahlia.
8	Rumah Aton kira-kira 150 meter dari rumah Dahlia	Dahlia disindir oleh Aton kerana dikatakan Dahlialah yang menyebabkan Said mati lemas.
9	Sekolah Kebangsaan Jelutong	Said dan Melati bersekolah di sini
10	Kebun kelapa sawit di Parit Haji Kadir	Kira-kira dua kilometer dari rumah Dahlia di sinilah Embong memotong kelapa sawit setelah pulang dari rumah Aton. Di kebun kelapa sawit inilah ular sawa telah membelit Embong.
11	Sungai	Kira-kira 45 meter dari rumah Dahlia- Dahlia cuba menyelamatkan Said yang lemas di sungai ini.
12	Hospital Batu Pahat	(Wad 4) Abah Dahlia dirawat di hospital ini setelah dipatuk ular. (Wad 6) Tempat Saleha dibawa untuk mendapatkan rawatan pada peringkat awal.
13	Kampung Parit Haji Rais	Tempat tinggal Dahlia . Dahlia menjaga adik-adiknya, Melati, Kiambang, Mawar, dan Anggerik setelah emaknya dirawat di hospital.

Silir Daksina

	Latar Tempat (1m)	Huraian – Peristiwa (1m)
1	Kampung Seri Purnama di Johor	Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama untuk melihat kampung arwah bapanya dan mencari rahsia di sebalik manuskrip lama yang diterimanya.
2	Kedai batik Umi di Pasar Payang, Kuala Terengganu	Haiqal akan bertemu dengan Ratna selepas menjaga kedai batik Umi di Pasar Payang.
3	Warung Mak Min	Haiqal bertemu dengan Tauke Ong buat pertama kali di warung Mak Min.

Bimaksakti Menari

	Latar Tempat (1m)	Huraian – Peristiwa (1m)
1	Balai Cerap Salahuddin	Nurul Hafsa bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Salahuddin. Pelawat dapat menyaksikan juzuk-juzuk kosmos dari platform yang disediakan di Balai Cerap Salahuddin.
2	Kampung Kuantan	Nurul Hafsa pergi ke Kampung Kuantan untuk melihat kelip-kelip.
3	Majlis Daerah Kuala Selangor	Nurul Hafsa menghantar laporannya tentang tahap kecerahan langit Kuala Selangor.
4	Masjid Jamek Sultan Ibrahim di Kuala Selangor	Kenduri kesyukuran untuk meraikan pernikahan kali kedua Tan Sri Muhaimin dengan bekas isterinya diadakan di Masjid Jamek Sultan Ibrahim.
5	Otago, New Zealand	Tempat Muhammad Taufik mengikuti ibunya selepas ibunya bercerai dengan ayahnya.
6	Stesen minyak PETRONAS di hadapan hospital	Tempat Muhammad Taufik diculik, dibawa masuk ke dalam van berwarna putih.
7	Rumah Prototaip Ikhtiar Teknoalam	Rumah yang diusahakan oleh Muhammad Taufiq yang berkonsepkan mesra alam.
8	Kawasan perladangan kelapa sawit	Di sinilah Taufik disembunyikan setelah diculik oleh penjenayah-penjenayah tersebut.
9	Balai Polis Bestari Jaya	Ketua Inspektor Lim telah menubuhkan pasukan Gerak Khas untuk menyiasat kes penculikan Taufik
10	Perpustakaan Awam Sultan Syarafuddin, Kuala Selangor	Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa bertemu di dalam bilik tutorial di Perpustakaan Awam Sultan Syarafuddin, Kuala Selangor untuk berbincang tentang pembentangan tentang projek Kuala Selangor. Di situ mereka berbalas-balas hujah bagi memantapkan pembentangan yang akan dilaksanakan nanti.
11	Hospital Tanjung Karang	Budiman dan Nurul Hafsha menghantar Muhammad Taufik ke Hospital Tanjung Karang setelah mereka menemukan Muhammad Taufik berdarah kerana dipukul setelah pulang dari surau.

Jendela Menghadap Jalan

	Latar Tempat (1m)	Huraian – Peristiwa (1m)
1	Kuala Lumpur	Tempat tinggal Lili dan keluarganya
2	Stesen bas	Lili menaiki bas dari Kuala Lumpur ke kampung datuk dan neneknya di Dungun, Terengganu
3	Perhentian bas Pekan Sentosa, Dungun, Terengganu	Lili berhenti sebelum ke Kampung Sentosa, tempat tinggal datuk dan nenek Lili
4	Pekan Sejahtera, Dungun, Terengganu	Tempat tinggal Geetha
5	Surau	Tempat orang kampung berkumpul
6	Bangsas di tepi sawah	Lili menunggu neneknya yang bekerja di sawah padi
7	Hutan	Tempat datuk mencari tumbuhan-tumbuhan herba dan akar kayu
8	Jeti nelayan	tempat Lili, Geetha dan Danel menyaksikan matahari terbit

Leftenan Adnan

	Latar Tempat (1m)	Huraian – Peristiwa (1m)
1	Kampung Sungai Ramal	Tempat kelahiran Leftenan Adnan dan tempat Leftenan Adnan dibesarkan.
2	Kem Latihan Haig Lines Port Dickson	Tempat Leftenan Adnan menerima latihan ketenteraan.
3	Warung Pak Samad	Warung ini merupakan tempat penduduk kampung bertukar-tukar maklumat dan cerita. Warung ini juga menjadi tempat untuk Nordin bermain dam bersama-sama dengan rakan-rakannya.
4	Bukit Candu	Leftenan Adnan terkorban dan mayatnya digantung di dahan pokok ceri. Mayatnya digantung dengan kepala ke bawah dan ditikam bertalu-talu oleh tentera Jepun.

5	Pasir Panjang	Kompeni C di bawah pimpinan Laftenan Adnan memberi tentangan hebat terhadap tentera Jepun sehingga tentera Jepun terpaksa berundur.
6	Sekolah Inggeris	Sekolah ini merupakan tempat Adnan belajar. Ketika dia belajar di sini, Adnan menunjukkan sikap yang baik dan sering mendapat pujian terutamanya daripada Cikgu Anderson.

4 (b) Persoalan Kebijaksanaan

Jendela Menghadap Jalan

	Persoalan	Bukti
1	Persoalan kebijaksanaan dalam menegakkan syair Islam	Dalam perjuangan membina kubah surau di kampung dalam menegakkan syair Islam. Penduduk sanggup menolak peruntukan dari Yang Berhormat untuk membina sebuah balai raya tetapi bersetuju untuk membina kubah surau bagi tujuan keagamaan.
2	Persoalan kebijaksanaan menuntut ilmu pengetahuan	Geetha merupakan seorang mahasiswa yang rajin menuntut ilmu, juga merupakan seorang pelajar tahun satu Jurusan Kejuteraan Awam, Universiti Malaya, begitu juga Lili yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.
3	Persoalan kebijaksanaan menangani golongan muda yang terjebak dengan masalah dadah	Haziq dan Rafiq yang terjerumus ke dalam kancah ketagihan dadah akibat masalah keluarga yang dihadapi. Tertekan dengan masalah keluarga kerana ayahnya Seman begitu garang dan sering memukul anak-anaknya sehingga menyebabkan hidup mereka tertekan. Mereka mengambil jalan mudah dengan melibatkan diri dalam kancah ketagihan dadah.
4	Persoalan kebijaksanaan menyelesaikan masalah kekeluargaan	Ibu Lili tidak berminat untuk menghabiskan masanya di kampung, tetapi menghantar Lili ke kampung sepanjang cuti persekolahan. Ibu Lili melanjutkan pelajaran keluar negara, terdedah dengan dunia Barat sehingga menganggap kampung terlalu jumud. Ibu Lili juga terlalu jarang pulang ke kampung untuk menjenguk kedua-dua ibu bapanya, menyebabkan hubungannya menjadi renggang.

Songket Berbenang Emas

	Persoalan	Bukti
1	Persoalan kebijaksanaan dalam pelajaran.	Dahlia tetap mengutamakan pelajarannya dengan meminjam nota dan bertanya kepada Kavita dan Siti Wangi walaupun terpaksa membantu ayahnya menguruskan rumah tangga setelah ibunya di hantar ke hospital untuk menerima rawatan.
2	Persoalan kebijaksanaan bertindak dalam menghadapi situasi yang bahaya	Embong berjaya mengalahkan ular sawa yang cuba membelitnya sewaktu memotong kelapa sawit di ladang.
3	Persoalan kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang lain	Kavita membantu Dahlia mengulang kaji pelajaran dengan memberikan nota pelajaran sepanjang ketidakhadirannya ke sekolah. Najib cuba menghulurkan bantuan kewangan semasa Nek Kiah beria-ia ingin menjual tanahnya yang menjadi tempat tinggal Dahlia dan keluarganya
4	Persoalan kebijaksanaan mencari ilmu bagi mengubah taraf hidup	Embong amat mementingkan pelajaran dan sering menasihatkan anak-anaknya agar belajar bersungguh-sungguh. Embong mengharapkan anak-anaknya dapat mengubah taraf hidup keluarga setelah berjaya dalam pelajaran mereka nanti.

Leftenan Adnan

	Persoalan	Bukti
1	Kebijaksanaan dalam menghadapi situasi genting.	Leftenan Adnan bijak membaca helah tentera Jepun walaupun tentera Jepun menyamar sebagai askar India dengan memakai turban ketika cuba menyerang askar Melayu.
2	Persoalan kebijaksanaan seorang ketua keluarga.	Ayah Leftenan Adnan iaitu Pak Saidi menyekolahkan Leftenan Adnan di sekolah Inggeris walaupun anak-anak Melayu lain bersekolah pondok.
3	Persoalan kebijaksanaan menggunakan taktik dalam peperangan.	Leftenan Adnan bijak membaca helah tentera Jepun walaupun tentera Jepun menyamar sebagai askar India dengan memakai turban ketika cuba

		menyerang askar Melayu.
--	--	-------------------------

Tirani

	Persoalan	Bukti
1	Persoalan kebijaksanaan berikhtiar dalam menyelesaikan masalah.	Waheeda bijak mengatasi masalah kemurungannya dengan mendapatkan rawatan dan khidmat pakar kaunseling Dr. Qamariah di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI Kuala Lumpur)
2	Kebijaksanaan dalam menegakkan kebenaran	Waheeda mendapat khidmat kawannya Nurjihan untuk menyerahkan sampel rambut suami, Izzati dan dirinya sendiri untuk membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati adalah anak kandung mereka.
3	Kebijaksanaan dalam urusan kewangan perniagaan aset perniagaan beliau.	Pak Cik Aziz meminta Waheeda dan Ghazi mengambil alih perusahaan Chalet Iwana-Iwani sebelum pihak bank menyita segala aset perniagaan beliau

Bimasakti Menari

	Persoalan	Bukti
1	Persoalan kebijaksanaan dalam menangani masalah.	Nurul Hafsa mengemukakan hujah bijak yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor pada malam bintang tidak dapat dicerap dengan mata kasar akibat langit tidak menjadi gelap pada waktu malam.
2	Kebijaksanaan dalam berjuang untuk melestarikan alam sekitar	Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman telah bersatu hati dalam berjuang untuk melestarikan alam sekitar. Mereka cuba memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor sebagai kawasan mencerap bintang. Mereka telah berusaha mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara
3	Kebijaksanaan menyelesaikan	Dengan bantuan CCTV, pihak polis cuba mengecam van putih yang digunakan oleh penculik tersebut.

	jenayah penculikan.	Malangnya, nombor pendaftaran kenderaan tersebut sukar dikesan kerana kabur. Tan Sri Muhaimin telah memaklumkan kepada Ketua Inspektor Lim tentang pesanan ringkas yang dihantar ke telefon bimbitnya yang memintanya menarik balik sebut harga Dedaun Emas jika tidak mahu menerima padah. Berita tengah hari yang membawa khabar tentang penculikan sensasi tersebut secara besar-besaran telah membuahkan hasil.
--	---------------------	---

Pantai Kasih

	Persoalan	Bukti
1	Persoalan kebijaksanaan dalam pelajaran.	Kebijaksanaan seseorang akan membuahkan hasil pada masa hadapan. Raiha bijak dalam pelajarannya untuk mencapai cita-citanya sebagai pakar bedah seperti ayahnya juga. Walaupun ditentang oleh ayahnya, Raiha mempunyai matlamat hidup dan belajar dengan tekun hingga cita-citanya sebagai pakar bedah tercapai juga.
2	Persoalan kebijaksanaan dalam menentukan kehidupannya.	Hal ini demikian diperlihatkan melalui sikap Sister Felicia yang asalnya belajar di kawasan pedalaman di Inanam tetapi atas sikap kerajinannya itu dia berjaya belajar hingga menjadi seorang jururawat di Hospital Kinabalu.
3	Persoalan kebijaksanaan dalam mengejar cita-cita.	Perkara ini diperlihatkan melalui watak Raiha yang rajin belajar daripada mentornya iaitu Doktor Uwang sewaktu menuntut di pusat pengajian tinggi dan sanggup melakukan apa-apa sahaja yang diminta oleh mentornya itu termasuk membuat demonstrasi.

Di Sebalik Dinara

	Persoalan	Bukti
1	Kebijaksanaan dalam bidang teknologi	Farisha seorang gadis yang sangat bijak dalam teknologi dan telah terbukti dapat menggodam sistem komputer dengan hebat. Kebijaksanaan dia berpunca daripada implan yang telah dipasang di

		badannya sejak kecil dan pelbagai jenis ubat untuk menjadikannya genius telah dimasukkan ke dalam badannya oleh bapanya, Karl.
2	Kebijaksanaan menangkis maklumat melalui teknologi	Dalam pada itu Aqram telah berjaya menerobos fikiran Farisha menggunakan penetrator berupa sebatang pen berwarna perak. Tetapi pendinding WALL yang dimiliki oleh Farisha dapat menangkis segala maklumat yang dikumpul dalam ingatan Aqram. Sebenarnya Aqram sudah sebulan cuba menjejaki Farisha untuk dibawa ke Soft Lab untuk menyelamatkan Dinara.
3	Kebijaksanaan selok-belok berkaitan sistem maklumat komputer	Aqram menawarkan Farisha menjadi jururunding di Soft Lab tempat letaknya sistem Dinara dengan tujuan membantu menggodam virus demi menyelamatkan Dinara.

Silir Daksina

	Persoalan	Bukti
1	Kebijaksanaan dalam pelajaran	Haiqal berjaya melanjutkan pelajaran di universiti selepas tamat Tingkatan 6.
2	Kebijaksanaan dalam memelihara sastera dan budaya yang kian dilupakan oleh generasi hari ini.	Haiqal bijak menangani cabaran mempelajari tarian zapin yang semakin dilupakan dalam kalangan anak-anak muda Kampung Seri Purnama sebaliknya mereka lebih gemar berkumpul sesama mereka dan menaiki motosikal masing-masing.
3	Kebijaksanaan masyarakat dalam mengamalkan kerjasama dalam melakukan aktiviti.	Haiqal juga bekerjasama dengan penduduk kampung untuk mengadakan persembahan zapin D'Purnama sebagai usaha untuk menghargai perjuangan ayahnya Abdullah bin Kayan.